

# Pegawai Russia dijemput meterai perjanjian kredit minyak sawit

BH 18 SEP 2001

IPOH, Isnin – Kerajaan akan menjemput pegawai Russia ke negara ini bagi memeterai perjanjian kredit dan pembayaran minyak sawit negara itu dengan Malaysia jika lawatan rasmi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Moscow dibatalkan.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Sri Dr Lim Keng Yaik, berkata perjanjian boleh diteruskan di negara ini kerana kerajaan mahu mempercepatkan perjanjian urus niaga bernilai RM190 juta itu.

Katanya, perkara itu sepatutnya disempurnakan di Moscow minggu lalu sempena lawatan Dr Mahathir tetapi terpaksa ditangguhkan sementara berikutan serangan ke atas

kepentingan Amerika Syarikat (AS). Selasa lalu.

“Kementerian akan menjemput pihak Russia termasuk pegawai kanan bank pusatnya bagi menandatangani perjanjian itu tanpa ditangguhkan lagi (jika lawatan Dr Mahathir dibatalkan),” katanya kepada pemberita setepas majlis makan malam sempena pembukaan pejabat baru Parti Gerakan Cawangan Kanthan Baru, dekat sini, malam tadi.

Berdasarkan perjanjian itu, Malaysia akan membekalkan 200,000 tan metrik minyak sawit mentah dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan menjelaskan kepada pengilang minyak sawit tempatan.

Bank Pusat Russia akan

membuat pembayaran itu kepada BNM, selepas itu.

Dr Lim berharap kerajaan India dan China juga akan mempercepatkan projek rel berkembar dari Seremban ke Johor Bahru di selatan dan Ipoh ke Padang Besar di utara yang berharga RM10 bilion.

Beliau berkata, kedua-dua negara itu sebelum ini bersetuju melaksanakan projek itu sebagai tukaran dengan minyak sawit dengan China melaksanakan projek di bahagian selatan manakala India di utara.

Sistem barter antara Malaysia dengan dua negara pengguna utama minyak sawit itu adalah antara langkah dilaksanakan bagi mengekalkan harga komoditi utama itu.

Kaedah lain adalah menggunakan minyak sawit bagi industri penjanaan tenaga elektrik dan menggalakkan pekebun kecil menanam semula kelapa sawit bagi menggantikan pokok tua.

Dr Lim berkata, betiau juga tidak mahu pekebun kecil dan pengurusan es-tet berasa terlalu berpuas hati kerana harga komoditi itu naik sehingga RM1.300 satu tan metrik sejak dua bulan lalu.